



MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM
86200 SIMPANG RENGGAM, JOHOR DARUL TA'ZIM

NOTIS HAD WAKTU OPERASI PREMIS PERNIAGAAN
(PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA 4)

KEPADA : SEMUA SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN / PELESEN
DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH SIMPANG
RENGGAM (MDSR) (KECUALI ZON PKPT IBRAHIM MAJID)

TARIKH : 29 APRIL 2020

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA selaras dengan arahan Kerajaan berkaitan perlanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 4 yang berkuatkuasa mulai **29 April 2020 hingga 12 Mei 2020**, semua premis perniagaan adalah **DIARAHKAN TUTUP** sepanjang tempoh berkenaan **KECUALI** perniagaan yang terlibat dengan Perkhidmatan Penting Negara (*Essential Services*).

Oleh yang demikian, **SEMUA** premis atau aktiviti perniagaan yang dibenarkan beroperasi (*Essential Services*) sepanjang tempoh PKP Fasa 3 sebagaimana notis pentadbiran ini bertarikh 14 April 2020, adalah **DIARAH** mematuhi **WAKTU HAD OPERASI** sebagaimana berikut:

BIL	JENIS PREMIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	Restoran, Kedai Makan termasuk 24 jam (terhad kepada bungkus, penghantaran (<i>delivery</i>) dan pandu lalu (<i>drive thru</i>) sahaja)	8.00 pagi hingga 8.00 malam
2.	Stesen Minyak dan Kedai Serbaneka dalam Stesen Minyak	8.00 pagi hingga 8.00 malam
3.	Pasaraya, Kedai Runcit serta Kedai Serbaneka 24 jam Termasuk Seven Eleven	8.00 pagi hingga 8.00 malam
4.	Pasar Awam	6.00 pagi hingga 12.00 tengahari
5.	Klinik Swasta, Pusat Dialisis, Farmasi dan Klinik 24 jam	8.00 pagi hingga 8.00 malam
6.	Perkhidmatan Mesin ATM dan CDM	7.00 pagi hingga 8.00 malam
7.	Pengangkutan Awam, Teksi dan <i>E-Hailing</i>	6.00 pagi hingga 10.00 malam
8.	a) Kedai Menjual <i>Input</i> Pertanian (Baja/ Racun)	ISNIN DAN KHAMIS SAHAJA 8.00 pagi hingga 4.00 petang

	b) Kedai Menjual Makanan Haiwan Kesayangan, ubatan dan keperluan berkaitan. c) Kedai Menjual Alat Tukar Ganti (Jentera Pertanian dan Industri)	ISNIN DAN KHAMIS SAHAJA 8.00 pagi hingga 4.00 petang
9.	Pasar Malam/ Pasar Pagi / Pasar Tani, Penjaja <i>Food Truck</i> dan seumpamanya	TIDAK DIBENARKAN
10.	a) Bengkel Membaiki Kenderaan, Pusat Servis dan Kedai Tayar b) Kedai <i>Hardware</i>	TIDAK DIBENARKAN <u>KECUALI</u> <i>On Call</i> bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja
11.	Perkhidmatan/ perniagaan yang mendapat kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) : a) Kedai Barangan Letrik dan Elektronik b) Kedai Dobi (<i>full service</i> sahaja dan bukan layan diri) c) Perkhidmatan Kesihatan Sosial Termasuk Perubatan Tradisional (<i>tidak termasuk perkhidmatan mengurus</i>) d) Sains Profesional & Teknikal termasuk R&D : i. Berkaitan Guaman ii. R&D Berkaitan COVID-19 iii. Makmal Ujian iv. Minyak & Gas	8.00 pagi hingga 8.00 malam HENDAKLAH MENDAPATKAN SURAT KEBENARAN OPERASI DARIPADA MITI DAN HANYA BOLEH BEROPERASI SETELAH MENDAPAT KEBENARAN OPERASI DARIPADA MDSR <i>(Dengan prosedur ketat untuk mencegah Covid-19)</i>
12.	Semua BAZAR RAMADHAN	TIDAK DIBENARKAN

Selanjutnya **SILA AMBIL MAKLUM** bahawa notis yang dikeluarkan pentadbiran ini berkuatkuasa **24 Mac 2020** berkenaan keperluan pemilik-pemilik premis/ pelesen mengambil langkah-langkah perlu mencegah jangkitan *Covid-19* di premis perniagaan masing-masing (yang dibenarkan beroperasi), masih lagi terpakai dan berkuatkuasa iaitu :

1. Memakai *Face Mask* (kepada semua pekerja dan petugas).
2. Menyediakan dan menggunakan *Hand Sanitizer*.
3. Menjalankan dan membuat pemeriksaan suhu badan di hadapan premis,
4. Mengawal bilangan pengunjung dalam satu-satu masa bagi mewujudkan jarak sosial (*Social Distancing*) sekurang-kurangnya satu (1) meter.

Pemilik/pelesen juga dinasihatkan agar mengikuti Langkah-langkah Kerja Pembersihan Nyahkuman yang selaras dengan tatacara yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada mana-mana permukaan yang

bersentuhan serta alatan yang diguna bersama dengan orang ramai secara kerap bagi memutuskan rantaian penularan Covid-19 di premis masing-masing.

Sehubungan dengan itu, semua pelesen dan pengusaha premis perniagaan dikehendaki mematuhi arahan-arahan notis ini bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dikenakan ke atas tuan/puan. Arahan ini berkuatkuasa mulai **29 April 2020 sehingga 12 Mei 2020** atau sehingga tempoh PKP berakhir. Sekiranya ingkar, tuan/puan boleh dikenakan tindakan di bawah **Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988** dan **Akta Polis 1967** serta premis perniagaan tuan/ puan boleh ditutup. Arahan ini selaras dengan peruntukan kuasa kepada **Majlis Daerah Simpang Renggam** di bawah Seksyen **72(1)(f) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171**.

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari semasa ke semasa dan akan dipinda tertakluk kepada arahan selanjutnya daripada pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan dalam perkara ini diucapkan terima kasih. Sebarang aduan/ pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui :

Tel 077551300, Hotline : 1300-88-6377, WhatsApp Aduan : 0197551300

Dengan perintah,

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM
29 APRIL 2020